

Pejuang Islam disegani seluruh dunia

BH 31/10/2003 - 20 PRECISE

Oleh Mohd Fuad Razali

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja berjaya membangunkan negara dari segi fizikal, tetapi turut menyumbang ke arah perkembangan dan pembangunan Islam dan umatnya sama ada di dalam negara mahupun peringkat antarabangsa. Sebagai pemimpin sebuah negara Islam, Perdana Menteri mahu umat Islam di negara ini mencapai kecemerlangan.

Hal ini sangat terserlah menerusi ucapannya sama ada yang berbentuk nasihat mahupun teguran terhadap pencapaian serta sikap umat. Beliau mahu mereka benar-benar memahami kandungan ajaran Islam dan mempraktikkannya. Beliau mahu mereka maju dalam bidang sains, teknologi dan ekonomi.

Dalam ucapannya, beliau sering menegaskan mengenai kepentingan umat Islam menguasai ilmu berkenaan serta membetulkan salah faham mereka-mengengainya. Beliau menyelar pihak yang mendakwa ilmu sains, teknologi dan ekonomi sebagai sekular, sebaliknya mahu tumpuan diberikan kepada pengajian ilmu Islam semata-mata.

"Kita mesti makan, berpakaian dan melindungi diri kita. Kita mesti menyelamatkan diri daripada semua jenis bahaya yang menggugat kita. Kita mesti memastikan diri kita sihat dan ini kita tidak boleh lakukan secara bersendirian. Kita memerlukan perkhidmatan dan sumbangan orang lain iaitu anggota masyarakat.

"Seorang umat Islam bukan hak dirinya sendiri saja. Ia adalah hak masyarakat Islam. Kesejahteraan ummah adalah tanggungjawab semua anggota masyarakat Islam. Jika kesejahteraan itu tidak dipedulikan oleh individu atau secara bersama oleh masyarakat, maka semua orang Islam dalam masyarakat akan berdosa. Inilah yang dimaksudkan dengan fardu kifayah," katanya.

Sebab itu beliau mahu mereka membabitkan diri dalam kegiatan seperti pengeluaran makanan, pakaian dan perumahan yang menjadi sebahagian daripada tuntutan Islam. Selain itu, katanya, mereka juga memerlukan doktor untuk merawat kesihatan individu dan masyarakat, undang-undang dan penguatkuasaannya bagi memastikan keselamatan masyarakat dan anggotanya.

Beliau tidak menafikan seorang Muslim dan masyarakatnya memerlukan bimbingan agama supaya tidak menyelweg daripada jalan yang ditetapkan. Untuk itu, mesti ada ulama dan ustaz.

"Tetapi sudah tentu bukan semua orang mesti menjadi ulama atau ustaz. Jika semua, sudah tentu tidak ada orang yang akan menghasilkan makanan, tempat tinggal dan pakaian. Jika ini berlaku, maka masyarakat, termasuk ulama akan berdosa kerana tidak ada seorang pun yang menyumbang kepada keperluan bukan rohani masyarakat untuk membolehkan cara hidup Islam diamalkan," katanya.

Satu keistimewaan Dr Mahathir ialah beliau bukan seorang yang retorik, sebaliknya mengutamakan aspek praktikal.

Sebab itu beliau sering menekankan mengenai kepentingan menterjemahkan ajaran Islam sebagai ad-din (cara hidup) dalam bentuk amalan dalam kehidupan seharian.

Ini jelas apabila sejak awal menerajui tampuk pemerintahan, beliau memperkenalkan dasar Penerapan Nilai Islam yang menekankan mengenai kepentingan mengamalkan nilai murni di kalangan kakitangan kerajaan. Yang menariknya, beliau sering menekankan nilai Islam yang diterima secara universal seperti jujur dan amanah, menepati masa dan janji.

Di bawah pemerintahannya, Malaysia melihat kemunculan institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kolej Universiti Islam Malaysia, Bank Islam dan Takaful Islam. Kini Malaysia menjadi rujukan kepada perkembangan institusi berkenaan di luar negara.

Prihatin dengan masalah umat Islam di negara ini yang dikelirukan dengan pelbagai fahaman dan tafsiran mengenai Islam, Dr Mahathir memikirkan mesti ada jalan keluar untuk mengatasinya. Ini membawa kepada kelahiran Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (IKIM) yang kini giat menjalankan pelbagai kegiatan penyelidikan dan penyebaran mengenai fahaman Islam di seluruh tanah air. Bukan saja itu lahir daripada idea Perdana Menteri, malah nama institut itu sendiri pun diberikan oleh beliau. Beliau berte-gas institut itu diberikan sedemikian rupa bagi menggambarkan fungsinya.

Pada peringkat antarabangsa, Dr Mahathir bangun menjadi jurubicara bagi

umat dan negara Islam sedunia. Sebagaimana lantangnya beliau berbicara dengan umat Islam di negaranya, begitulah juga kelantangan beliau dalam memper-tahankan maruah Islam dan umatnya di persada dunia.

Beliau menegur sikap permusuhan dan pergeseran yang wujud di kalangan negara Islam sendiri. Sementara mengakui memang sukar untuk menyatukan pendapat semua pemimpin negara Islam, beliau yakin sudah tentu ada isu yang boleh disepakati bersama, misalnya dalam soal pembebasan tanah dan rakyat Palestin.

Apabila umat Islam dan ajarannya dikaitkan dengan keganasan, beliau dengan tegas menyangkal dakwaan itu, sebaliknya menyarankan supaya kajian dibuat untuk mengenal pasti punca keganasan sehingga ke akar umbinya. Malah, sewaktu perjumpaannya dengan Pope John Paul II di Vatican City, tahun lalu, beliau dengan tegas menyatakan, masalah Palestin bukan peperangan antara agama, sebaliknya kerana pencabulan terhadap hak rakyat negara berkenaan.

Ketika golongan orientalis dan media Barat meneruskan dakwah mereka mengecam dan mengaitkan umat Islam dan ajarannya dengan keganasan, Dr Mahathir mengejutkan mereka dengan mengatakan beliau adalah fundamentalis Islam. Beliau menjelaskan kepada mereka apa sebenarnya maksud perka-taan itu dan sekali gus menghapuskan salah faham dan kekeliruan yang se-ganja ditimbulkan mereka.